



SUNTIK: Salah seorang penerima dos penggalak bersedia diberi penerangan oleh petugas sebelum menerima suntikan



GEMBIRA: Pelajar UMS antara penerima suntikan dos penggalak vaksin COVID-19.

UMS aktif PPV-IPT bantu tingkat vaksinasi

UB 18.02.2022 P.08

Bagi pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 kalangan warga universiti

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengaktifkan semula operasi Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pengajian Tinggi (PPV-IPT) UMS bagi pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 sejak 11 Januari lalu sebagai usaha menangani ancaman varian Omicron serta peningkatan kes yang direkodkan di Sabah.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, sehingga kini sejumlah 1,913 suntikan vaksin dos penggalak jenis Pfizer telah diberikan, merangkumi 179 dos kepada kakitangan UMS, 1183 dos kepada pelajar UMS, serta 550 kepada orang awam di sekitar Kota Kinabalu.

"PPV-IPT UMS telah beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat dari jam 9 pagi hingga 4 petang bagi memberikan 100 dos suntikan vaksin dos penggalak setiap hari kepada orang awam berumur 18 tahun ke atas.

"UMS melihat pengambilan dos penggalak ini sangat penting untuk melindungi masyarakat dari kesan pen-

yakit COVID-19 terutama dengan varian Omicron yang semakin menular dalam kalangan komuniti.

"Justeru, pengaktifan semula PPV-IPT UMS ini merupakan satu langkah UMS untuk memperluaskan pemberian vaksin kepada masyarakat, sekali gus mengawal penularan serta mengurangkan peningkatan jumlah kes COVID-19 di negeri ini," katanya.

Menurut beliau, adalah amat penting kepada setiap lapisan masyarakat untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dan dos penggalak bagi meningkatkan daya tahan badan dan memanjatkan imuniti terhadap penyakit COVID-19.

"Untuk itu, PPV-IPT UMS juga akan menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) melalui pemberian suntikan vaksin kepada kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun.

"Difahamkan, kurang dari 10 peratus daripada 411,400 kanak-kanak yang layak menerima vaksin di negeri ini telah mendapatkan suntikan



TINJAU: Taufiq bertemu Ketua PPV ketika mengadakan lawatan ka PPV-IPT UMS.

vaksin, justeru usaha ini diharapkan mampu meningkatkan peratusan pengambilan vaksin oleh golongan tersebut," katanya.

Tambah beliau, melihat kepada statistik yang menunjukkan 604 kes positif membabitkan kanak-kanak bawah 11 tahun daripada 5,082 kes yang dicatatkan

di negeri Sabah semalam (16 Februari), amat wajar untuk kanak-kanak mendapatkan vaksin secepat mungkin.

"Bagi kanak-kanak, suntikan dos vaksin jenis Pfizer yang diberikan hanyalah 0.2ml, iaitu satu pertiga daripada jumlah dos orang dewasa, untuk itu diharapkan ibu bapa agar tidak mer-

isikokan kesihatan anak-anak dengan memberi sokongan terhadap program imunisasi untuk kanak-kanak.

"Pada masa ini, PPV-IPT UMS masih di peringkat pengumpulan permohonan bagi pemberian suntikan vaksin untuk kanak-kanak, dan dijangka akan mula melaksanakan PICKids pada

penghujung bulan Februari ini," katanya.

Untuk sebarang pertanyaan atau temu janji bagi mendapatkan dos penggalak vaksin COVID-19 jenis Pfizer dan permohonan vaksin untuk kanak-kanak, boleh menghubungi PPV-IPT UMS atau WhatsApp di talian 088-329201.